

KENYATAAN MEDIA

Lembaga Kemajuan
Perindustrian Malaysia

Blok 4, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5
50470 Kuala Lumpur
Malaysia
Tel: (603) 2267 3633
Faks: (603) 2274 7970
E-mel: investmalaysia@mida.gov.my
Laman Web: www.mida.gov.my


**SIDANG MEDIA TAHUNAN MIDA
MENGENAI PRESTASI SEKTOR PERKILANGAN DAN
PERKHIDMATAN PADA TAHUN 2009**
4 FEBRUARI 2010
KENYATAAN OLEH:
YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

Persekitaran ekonomi global pada tahun 2009 adalah sangat mencabar akibat krisis kewangan yang bermula di Amerika Syarikat pada tahun 2008. Kesan ketidakstabilan ini telah menjalar ke seluruh dunia. Ketidakstabilan dalam sistem kewangan global ini dapat dilihat dalam kejatuhan beberapa institusi kewangan penting manakala yang lain pula telah menerima pukulan yang hebat.

Kesan buruk mempunyai impak ke atas aliran masuk dan aliran keluar pelaburan dengan perdagangan dunia menjadi semakin kecil dan kebanyakannya ekonomi maju dan sedang membangun berada dalam kemelesetan. Reaksi penggubal dasar di seluruh dunia adalah mengambil langkah-langkah di luar konvensyen untuk menangani keadaan negatif ini.

Ekonomi Malaysia juga tidak terkecuali daripada perkembangan global yang tidak menggalakkan apabila keluaran kasar dalam negara (KDNK) menguncup sebanyak 3.8 peratus bagi sembilan bulan pertama tahun 2009. Ekonomi Negara dijangka kembali pulih pada suku keempat tahun 2009, dan KDNK bagi keseluruhan tahun 2009 dijangka akan menguncup sebanyak 3 peratus. Kerajaan telah melaksanakan dua pakej ransangan sebagai langkah untuk meringankan kesan buruk krisis tersebut.

Sektor perkilangan terus menjadi penyumbang penting kepada ekonomi dengan menyumbang sebanyak 26.8 peratus daripada KDNK negara bagi sembilan bulan pertama tahun 2009.



Gunatenaga dalam sektor perkilangan dianggarkan adalah sebanyak 3.3 juta orang atau 28.4 peratus daripada jumlah gunatenaga negara.

Sektor perkhidmatan adalah penyumbang terbesar KDNK Negara. Bagi sembilan bulan pertama, ia menyumbang sebanyak 57.3 peratus daripada KDNK dan mengembang pada kadar 1.6 peratus.

KELULUSAN DALAM SEKTOR PERKILANGAN

Walaupun suasana ekonomi dan kewangan global mengalami kejatuhan yang sangat teruk, MIDA telah meluluskan pelaburan bernilai RM32.6 bilion dalam 766 projek pada tahun 2009. Angka ini melebihi sebanyak RM5.1 bilion atau 18.5 peratus sasaran tahunan sebanyak RM27.5 bilion yang ditetapkan di bawah IMP3.

Sebilangan besar kelulusan merupakan sumbangan pelaburan asing berjumlah RM22.1 bilion atau 67.8 peratus daripada pelaburan yang diluluskan. Daripada jumlah ini, pelaburan asing dalam projek dengan pelaburan bernilai RM1 bilion dan ke atas berjumlah RM12.2 bilion atau 37.3 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan. Ini menunjukkan aliran masuk FDI ke dalam negara adalah terutamanya dalam pelaburan berkualiti.

Pada tahun 2009, pelaburan asing terutamanya adalah dalam kimia dan produk kimia, produk galian bukan logam serta produk elektronik dan elektrik. Pelaburan yang diluluskan dalam tiga subsektor ini berjumlah RM16.3 bilion atau 73.8 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.

Bagi negara yang mempunyai bilangan penduduk seramai 28 juta orang, Malaysia kini adalah tuan rumah kepada lebih daripada 5,000 syarikat dari lebih daripada 40 buah negara. Pelabur asing terus menujuhkan operasi luar negara mereka di Malaysia berdasarkan:

- negara terus berdaya saing sebagai lokasi pelaburan;
- dasar perniagaan yang liberal dan jelas;
- infrastruktur yang tertubuh;

1970-1971
1971-1972

1972-1973
1973-1974
1974-1975

1975-1976
1976-1977
1977-1978

1978-1979
1979-1980
1980-1981
1981-1982
1982-1983

1983-1984
1984-1985
1985-1986
1986-1987
1987-1988

1988-1989
1989-1990
1990-1991
1991-1992
1992-1993

1993-1994
1994-1995
1995-1996
1996-1997
1997-1998

1998-1999
1999-2000
2000-2001
2001-2002
2002-2003

2003-2004
2004-2005
2005-2006
2006-2007
2007-2008

2008-2009
2009-2010
2010-2011
2011-2012
2012-2013

2013-2014
2014-2015
2015-2016
2016-2017
2017-2018

- tenaga kerja yang produktif;
- industri sokongan yang kukuh; dan
- kemudahan, meliputi lojistik yang baik dan sektor perkhidmatan kewangan yang kukuh,

Syarikat perbankan dan insuran Malaysia kekal tidak terjejas walaupun dalam krisis ini – ini adalah bukti kepada dasar perbankan berhemat negara.


Usaha berterusan Kerajaan untuk terus aktif menggalakkan pelaburan domestik adalah sama pentingnya seperti menarik FDI. Pada tahun 2009, pelaburan domestik diluluskan berjumlah RM10.5 bilion atau 32.2 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan.

Pelaburan domestik kebanyakannya adalah dalam industri produk logam asas, kimia dan produk kimia, serta produk galian bukan logam. Ketiga-tiga subsektor ini menyumbang kepada RM4.6 bilion atau 43.8 peratus daripada jumlah pelaburan domestik yang diluluskan dalam sektor perkilangan.

Trend dalam projek yang diluluskan sejak lima tahun kebelakangan adalah bersifat berintensifkan modal. Purata pelaburan modal bagi setiap pekerja atau nisbah CIPE dari 2005-2009 berjumlah RM505,744 berbanding dengan RM320,166 dari 2000-2004. Peningkatan ketara dalam nisbah CIPE ini adalah petunjuk jelas bahawa sektor perkilangan sedang menuju ke arah penubuhan industri berteknologi tinggi, bernilai ditambah tinggi, berintensifkan modal, berdasarkan kemahiran dan pengetahuan yang merangkumi aktiviti rekabentuk dan pembangunan serta penyelidikan dan pembangunan.

PELUANG PEKERJAAN

Apabila dilaksanakan, 766 projek yang diluluskan akan mewujudkan 64,330 pekerjaan, di mana 64.9 peratus adalah dalam kategori pekerja pengurusan, teknikal dan peringkat penyeliaan serta pekerja mahir. Sejumlah pekerjaan mahir yang akan



diwujudkan adalah bagi jurutera, pekerja bioteknologi, pekerja IT, pembuat acuan, alatan dan dai serta *machinists*.

Pekerjaan yang akan diwujudkan melalui pelaksanaan projek-projek ini akan menyumbang kepada keseluruhan pembangunan modal insan dan peningkatan kemahiran di Malaysia.

Projek milik rakyat Malaysia yang diluluskan pada tahun 2009 dijangka akan mewujudkan 34,975 peluang pekerjaan. Daripada jumlah ini, 21,414 pekerjaan atau 61.2 peratus adalah bagi pekerjaan pengurusan, teknikal & penyeliaan dan mahir.

SUMBER UTAMA PELABURAN ASING

i. Jepun

Jepun merupakan pelabur asing terbesar pada tahun 2009, dengan pelaburan berjumlah RM7.0 bilion, berbanding dengan RM5.6 bilion pada tahun 2008. Satu projek tunggal dalam industri kimia dan produk kimia dengan pelaburan berjumlah RM5.6 bilion telah menyumbang kepada sejumlah besar pelaburan tersebut.

ii. Hong Kong

Pada tahun 2009, Hong Kong adalah pelaburan kedua terbesar dalam sektor perkilangan. Pelaburan yang diluluskan melonjak kepada RM5.3 bilion, berbanding dengan RM83.6 juta pada tahun 2008. Pelaburan Hong Kong terutamanya adalah dalam industri kimia dan produk kimia dan industri produk getah.

iii. Amerika Syarikat

Terdapat kejatuhan ketara dalam pelaburan Amerika Syarikat pada tahun 2009 yang berjumlah RM2.3 bilion berbanding dengan RM8.7 bilion pada tahun 2008. Ini adalah disebabkan oleh kesan buruk krisis kewangan kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, Amerika Syarikat merupakan pelabur asing ketiga terbesar pada tahun 2009. Pelaburan utama Amerika Syarikat adalah dalam produk elektronik dan elektrikal serta pengilangan makanan.

1996-1997
1997-1998

1997-1998
1998-1999
1999-2000

1998-1999
1999-2000
2000-2001
2001-2002

2000-2001
2001-2002
2002-2003

2001-2002
2002-2003
2003-2004
2004-2005

iv. Singapura

Singapura terus menjadi pelabur besar pada tahun 2009 dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM2.0 bilion, yang hampir sama seperti pada tahun 2008. Pelaburan Singapura terutamanya adalah dalam produk elektronik dan elektrik serta produk petroleum termasuk petrokimia.

Walaupun terdapat kejatuhan ekonomi global, Jepun, Republik Korea dan China telah mencatatkan peningkatan ketara dalam pelaburan diluluskan pada tahun 2009 berbanding dengan tahun 2008.


Sumber utama FDI lain pada 2009 adalah dari Taiwan, Belanda dan Jerman.

PROJEK BARU

Faktor tarikan yang kukuh dan kos berdaya saing Malaysia terus menarik jenis pelaburan baru. Daripada 766 projek yang diluluskan, 471 adalah bagi projek baru yang melibatkan pelaburan berjumlah RM22.1 bilion atau 67.8 peratus daripada jumlah pelaburan. Pelaburan asing dalam projek-projek ini berjumlah RM16.4 bilion atau 74.2 peratus daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan.

PEMBESARAN DAN PELBAGAIAN

Syarikat-syarikat wujud yang beroperasi di Malaysia juga terus menunjukkan keyakinan mereka dalam persekitaran pelaburan Malaysia dengan menjalankan aktiviti pembesaran dan pelbagaiannya tertamanya dalam pelaburan bernilai ditambah tinggi. Pada tahun 2009, aktiviti pembesaran dan pelbagaiannya bernilai RM10.5 bilion atau 32.2 peratus dalam 295 projek.



Pelaburan asing dalam aktiviti-aktiviti ini berjumlah RM5.7 bilion, manakala pelaburan domestik berjumlah RM4.8 bilion. Pelaburan domestik adalah tertumpu dalam industri produk logam asas serta kimia dan produk kimia yang menarik pelaburan berjumlah RM2.4 bilion.

SUBSEKTOR UTAMA

i. Kimia dan Produk Kimia

Pada tahun 2009, industri kimia dan produk kimia mencatatkan tahap pelaburan tertinggi dengan kelulusan berjumlah RM8.4 bilion. Satu projek tunggal yang melibatkan pelaburan berjumlah RM5.5 bilion telah diluluskan untuk mengeluarkan *polycrystalline silicon*.

ii. Produk Galian bukan logam

Produk galian bukan logam menarik pelaburan berjumlah RM6.4 bilion. Kelulusan utama adalah bagi sebuah projek kaca solar dan cermin solar yang bernilai RM5.2 bilion.

Minat dalam industri aeroangkasa juga telah meningkat. Pelaburan yang diluluskan pada tahun 2009 berjumlah RM551.9 juta.


Subsektor tenaga boleh diperbaharui dan penjimatan tenaga juga telah menarik minat yang ketara pada tahun 2009, dengan pelaburan diluluskan berjumlah RM752 juta.

Industri lain yang telah menarik pelaburan agak besar pada tahun 2009 adalah produk elektronik dan elektrik, pengilangan makanan serta kelengkapan pengangkutan.

STATUS PELAKSANAAN

PROJEK PENGILANGAN YANG DILULUSKAN

Pihak Kerajaan meneruskan usaha dan langkah untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian negara. Pegawai Projek



Khas (SPO) MIDA menjalankan aktiviti *handholding* di peringkat Persekutuan dan Negeri melalui rundingan terus dengan pelbagai agensi negeri.

Hasil daripada langkah-langkah yang telah dijalankan oleh MIDA dan Kerajaan Persekutuan dan Negeri, kadar pelaksanaan projek telah meningkat sejak tahun kebelakangan. Bagi tempoh 2004-2009, sejumlah 5,839 projek pengilangan telah diluluskan. Daripada jumlah ini, 4,201 projek atau 72.0 peratus telah memulakan pengeluaran setakat 31 Disember 2009, manakala 218 atau 3.7 peratus adalah dalam peringkat pembinaan kilang dan pemasangan jentera. Pada tahun 2009 sahaja, 520 projek telah memulakan pengeluaran.


MIDA akan terus menjadi penyelaras utama dalam memastikan pelaksanaan segera projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

PELABURAN DALAM SEKTOR PERKHIDMATAN

Dalam banyak negara maju, sektor perkhidmatan merupakan komponen utama dalam struktur ekonomi. Malaysia juga terus menekankan kepentingan sektor perkhidmatan sebagai langkah untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi dan bagi mempelbagaikan ekonomi negara.

Pada tahun 2009, sebanyak 2,720 projek dengan pelaburan berjumlah RM36.3 bilion telah diluluskan dalam sektor perkhidmatan. Pelaburan domestik berjumlah RM32.9 bilion atau 90.6 peratus, manakala pelaburan asing berjumlah RM3.4 bilion atau 9.4 peratus. Projek-projek ini dijangka akan mewujudkan 37,357 peluang pekerjaan.

Kelulusan utama dalam sektor perkhidmatan adalah dalam pengangkutan (RM7.9 bilion), tenaga (RM6.8 bilion), perkhidmatan kewangan (RM4.3 bilion), harta tanah (RM4.2 bilion) dan telekomunikasi (RM3.8 bilion).



Sejumlah 740 projek dengan pelaburan bernilai RM5.3 bilion telah diluluskan bagi pertubuhan serantau, perkhidmatan sokongan dan Syarikat Berstatus MSC pada tahun 2009.

Operasi Serantau


Sejak beberapa tahun kebelakangan, salah satu daripada komponen utama sektor perkhidmatan di Malaysia adalah dari segi pembesaran subsektor perkilangan berkaitan perkhidmatan. Selaras dengan penekanan ini, Kerajaan menggalakkan penubuhan pertubuhan serantau seperti Ibupejabat Operasi (OHQ), Pusat Perolehan Antarabangsa Centres (IPC), Pusat Pengedaran Serantau (RDC), Pejabat-pejabat Serantau dan Perwakilan (RE and RO).

Kelebihan utama Malaysia seperti tenaga kerja pelbagai bahasa, lokasi strategik, insentif menarik, dasar ekuiti dan pengambilan pegawai dagang yang liberal terus menggalakkan syarikat-syarikat asing untuk menujuhkan operasi serantau mereka di negara ini.

Pada tahun 2009, sebanyak 161 pertubuhan serantau baru dengan pelaburan berjumlah RM325.9 juta telah diluluskan, dengan cadangan pulangan jualan tahunan bernilai RM758.3 juta. Daripada kelulusan ini, 3 adalah bagi IPC, 3 untuk RDC, 18 untuk OHQ dan 137 adalah bagi RE and RO. Operasi-operasi ini akan menyediakan peluang pekerjaan untuk lebih kurang 825 rakyat Malaysia di peringkat pengurusan, profesional dan teknikal.

Manfaat menarik pertubuhan serantau adalah kerana ianya mempertingkatkan perdagangan global Malaysia, mewujudkan rangkaian kepada sektor-sektor ekonomi yang lain, khususnya sektor perkhidmatan serta menjana peluang pekerjaan mahir. Pertubuhan serantau juga mewujudkan peluang perniagaan bagi pemborong dan peruncit tempatan, syarikat tempatan termasuk SME yang akan mendapat manfaat menerusi integrasi ke dalam jaringan rantaian bekalan global syarikat multinasional (MNC).

LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENGEKALKAN DAYA SAING



Dalam keadaan persekitaran ekonomi global yang tidak menggalakkan pada tahun 2009, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah proaktif untuk mempertahankan daya saing ekonomi negara. Objektif utama langkah-langkah ini adalah bagi melindungi ekonomi daripada kesan buruk krisis kewangan serta memastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dikedalkan.

Di antara langkah-langkah ini termasuk:

- pakej rangsangan kedua berjumlah RM60 bilion pada bulan Mac 2009 telah diumumkan bagi melengkapkan pakej pertama berjumlah RM7 bilion yang diumumkan pada bulan November 2008;
- liberalisasi dua puluh tujuh subsektor dalam sektor perkhidmatan untuk meningkatkan lagi daya saing negara dalam bidang ini. Di antara subsektor di mana rakyat asing kini boleh memegang 100 peratus ekuiti termasuk perkhidmatan komputer dan berkaitan dengannya, perkhidmatan kesihatan dan sosial, perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan pengangkutan; dan
- langkah-langkah liberalisasi bagi sektor perkhidmatan kewangan oleh Kerajaan. Langkah-langkah nyata yang telah diambil adalah liberalisasi pengawalan garispanduan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan pengurusan dana serta liberalisasi aktiviti broker saham.

Di antara langkah-langkah spesifik yang telah diambil untuk menangani isu sektor-sektor perkilangan dan perkhidmatan termasuk:

- langkah-langkah baru di bawah Kajian Semula Dasar Automotif Nasional akan memberi penekanan terhadap menarik pelaburan dalam aktiviti pengilangan bernilai ditambah tinggi yang menggunakan teknologi terkini, khususnya dalam membuka lesen pengilang bagi kereta mewah dan kenderaan

and
the

of
the
the
the

and
the

the
the
the
the

the
the

the
the

the
the

the
the

the
the

the
the

the
the

the
the

the
the


- bengkel dan mesyuarat mejabulat yang memberi fokus kepada sektor perkhidmatan;
- pelbagai bengkel berkaitan dengan subsektor industri spesifik;
- program penyumberan luar;
- dialog/mesyuarat mejabulat dengan kapten industri; dan
- meningkatkan rangkaian melalui sesi jaringan di antara perusahaan bersaiz kecil dan sederhana (SME) dan syarikat multinasional (MNCs) asing dan tempatan.

TINJAUAN BAGI TAHUN 2010

Pada tahun 2009, aliran FDI global telah menurun akibat krisis kewangan dunia yang mempunyai kesan ke atas ekonomi utama dunia. Dalam penerbitan suku tahun terkini UNCTAD yang dikeluarkan pada 19 Januari 2010, aliran masuk FDI global menurun sebanyak kira-kira 40 peratus kepada US\$1 trilion pada tahun 2009 daripada US\$1.7 trilion pada tahun 2008. Seterusnya, aliran masuk FDI ke dalam ekonomi membangun dan peralihan menurun sebanyak 35.4 peratus pada tahun 2009. Akibat perkembangan yang telah berlaku, Malaysia juga tidak terkecuali daripada kesan buruk trend global tersebut.

Berdasarkan *World Investment Report 2009* UNCTAD, aliran masuk FDI global dijangka akan pulih secara sederhana pada tahun 2010, sebelum menjadi bertambah baik pada tahun 2011. Melihat persekitaran ekonomi dan pelaburan global yang semakin baik, ekonomi Malaysia dijangka akan tumbuh di antara 4.0 - 5.0 peratus pada tahun 2010. Aliran masuk pelaburan asing ke Malaysia dijangka dapat dikekalkan pada tahun 2010.

Menurut kenyataan *World Bank* yang diumumkan baru-baru ini, walaupun menekankan risiko kepada “pemulihan rapuh”, ekonomi global bagaimana pun dijangka akan tumbuh sebanyak 2.7 peratus pada tahun 2010. Pihak *International Monetary Fund (IMF)* telah menaikkan ramalan pertumbuhan ekonomi global daripada 3.1 kepada 3.9 peratus pada tahun 2010. Institut tersebut telah menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2011 dijangka akan meningkat kepada 4.3 peratus apabila ekonomi



menjadi bertambah pulih. Dengan sentimen global yang semakin baik, aliran masuk FDI ke Malaysia dijangka akan meningkat semula semasa ekonomi global menjadi stabil.

Dengan mengiktiraf kepentingan sektor perkhidmatan sebagai tungak pertumbuhan ekonomi dan potensi bagi peningkatan aliran masuk pelaburan ke dalam negara, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah meliberalisasikan secara progresif subsektor-subsektor perkhidmatan. Langkah ini adalah bagi memastikan supaya sektor perkhidmatan kekal sebagai komponen yang kompetitif dalam ekonomi negara.

Kerajaan akan melancarkan Model Ekonomi Baru pada suku pertama tahun ini. Di bawah model ini, strategi-strategi akan digariskan untuk mendorong Malaysia ke hadapan daripada ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi yang berasaskan inovasi, kreativiti dan sumber pertumbuhan bernilai tinggi. Model ekonomi baru Malaysia bertujuan untuk mendorong negara ke arah dasar perindustrian yang dipacu oleh pengetahuan dan berasaskan teknologi tinggi.

Usaha juga akan dipergiatkan untuk mensasar dan menarik industri di mana Malaysia mempunyai asas kukuh dan juga bidang pertumbuhan baru seperti automotif, aeroangkasa, elektronik, petrokimia, bioteknologi, jentera dan kelengkapan, farmaseutikal dan kelengkapan perubatan.

Teknologi hijau, termasuk tenaga boleh diperbaharui telah dikenalpasti sebagai bidang pertumbuhan baru oleh Kerajaan. Teknologi ini bukan sahaja akan membantu dalam memelihara alam sekitar tetapi juga akan menyediakan peluang perniagaan dan kelebihan daya saing bagi negara.

Selain daripada teknologi hijau, Kerajaan juga akan menggalakkan penubuhan projek-projek penjimatian dan efisien tenaga dalam negara bagi pembangunan berkekalan.

MIDA akan bekerjasama dengan 19 pejabat seberang lautnya untuk meningkatkan usaha penggalakkan dalam sektor perkhidmatan dengan menggalakkan pelaburan bagi pengurusan rantaian bekalan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), rekabentuk dan pembangunan (D&D), pembekal penyelesaian keseluruhan, logistik, operasi *back office* dan berasaskan IT dan pusat perbendaharaan.

MIDA, sebagai agensi pelaburan penggalakan utama Kerajaan, akan terus memainkan peranan penting dalam menyelaras dan memudahkan aliran masuk pelaburan ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan di Malaysia. Saluran komunikasi adalah sentiasa terbuka untuk perbincangan mengenai cara bagaimana kita dapat meningkatkan lagi daya saing negara bagi kenaikan aliran masuk pelaburan ke dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

